

sains

KERATAN AKHBAR

1 & 2 OKTOBER 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan
MALAYSIA

Sinar
harian

astro
AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE
MARKETS
MAKE BETTER DECISIONS

THE Sun

FMT
news
FREE AND INDEPENDENT

Star
The people's paper

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini
terkini untuk anda

BERNAMA

RANIA

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail

Isu air, elektrik Sabah selesai dalam tempoh 3 tahun – Hajji

1 OKTOBER 2023
AHAD



Hajji tiba pada Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan Gagasan Rakyat Bahagian Sulaman 2023 di Dewan Sri Sulaman Tuaran.

TUARAN - Kerajaan Sabah akan memastikan masalah gangguan bekalan air dan elektrik yang dialami rakyat ketika ini dapat diselesaikan dalam tempoh antara dua hingga tiga tahun dari sekarang.

SAMBUNGAN

Ketua Menterinya, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, beberapa langkah sudah diambil dan dilaksanakan untuk menambah kapasiti bekalan kedua-dua keperluan rakyat itu mulai sekarang.

Katanya, ia selaras komitmen kerajaan negeri meletakkan usaha mengatasi masalah bekalan air dan elektrik yang dihadapi rakyat negeri ini sebagai keutamaan ke arah mensejahterakan kehidupan rakyat.

"Inilah yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat bekalan air dan elektrik yang menjadi masalah sekarang dan kita akan pastikan kedua-dua masalah ini dapat diselesai sekurang-kurangnya dua atau tiga tahun lagi ke hadapan.

"Jika diurus dengan baik, insya-ALLAH kita boleh atasi kedua-dua isu ini yang menjadi kekusaran rakyat pada masa ini.

“

"Kita adalah kerajaan yang bertanggungjawab, kerana itu kita buat perancangan rapi dan tentukan bahawa projek pembangunan rakyat berjalan mengikut jadual dan dilaksanakan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Mesyuarat Tahunan Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat) Bahagian Sulaman 2023 di Dewan Sri Sulaman, di sini pada Ahad.

Hajiji berkata, Loji Rawatan Air (LRA) Telibong II di Tamparuli yang sedang dalam proses penyiapan akhir naik taraf ketika ini dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada awal tahun depan.

Katanya, penyiapan projek itu bukan saja dapat menambah kapasiti bekalan air sebanyak 80 juta liter sehari untuk menampung keperluan di utara Kota Kinabalu dan Tuaran tetapi juga mengurangkan gangguan bekalan air yang dialami penduduk.

Menurutnya, loji berkenaan adalah antara loji tambahan yang dirancang untuk menangani kekurangan bekalan air di kawasan ibu negeri dan sekitarnya, termasuk sebuah lagi di LRA Kogopon, Papar.

"Kerajaan negeri sudah mula membina loji bagi meningkatkan bekalan air daripada 40 juta liter sehari kepada 80 juta liter sehari di Kogopon, Papar, yang sedang dilaksanakan dengan kos RM380 juta dan dijadual siap pada 2026.

"Selain itu, sebanyak 80 juta liter sehari lagi tambahan di LRA Telibong II bagi mengatasi masalah air di utara bandar raya Kota Kinabalu dan Tuaran yang akan beroperasi sepenuhnya

pada awal tahun depan.

"Menerusi usaha kerajaan negeri juga tambahan peruntukan sebanyak RM320 juta daripada kerajaan Persekutuan baru-baru ini akan dapat menangani masalah air dalam tempoh jangka pendek di Sabah," katanya.

"Kerajaan negeri sudah mula membina loji bagi meningkatkan bekalan air daripada 40 juta liter sehari kepada 80 juta liter sehari di Kogopon, Papar, yang sedang dilaksanakan dengan kos RM380 juta dan dijadual siap pada 2026.

"Selain itu, sebanyak 80 juta liter sehari lagi tambahan di LRA Telibong II bagi mengatasi masalah air di utara bandar raya Kota Kinabalu dan Tuaran yang akan beroperasi sepenuhnya

pada awal tahun depan.

"Menerusi usaha kerajaan negeri juga tambahan peruntukan sebanyak RM320 juta daripada kerajaan Persekutuan baru-baru ini akan dapat menangani masalah air dalam tempoh jangka pendek di Sabah," katanya.

Katanya lagi, bagi bekalan elektrik pula, usaha yang turut diambil kerajaan negeri ialah menerusi pembinaan loji janakuasa hidroelektrik dan empangan di Ulu Padas, Tenom.

"Pelaksanaannya projek itu bakal dimulakan dalam masa terdekat dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

8 empangan dalam perhatian

2 OKTOBER 2023
ISNIN



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (NRECC) akan memberi perhatian serius terhadap lapan empangan berisiko tinggi mengalami kerosakan struktur termasuk menawarkan langkah interim menyediakan sokongan kewangan kepada pemilik empangan.

SAMBUNGAN

NRECC berkata, kementerian sudah membentangkan laporan status pemeriksaan keselamatan lapan daripada 41 empangan berisiko oleh Pasukan Flying Squad.

"Pemeriksaan ke atas semua empangan itu yang dilakukan antara 2021 dan 2022 itu membabitkan dua empangan di Kedah iaitu Empangan Muda dan Ahning; Empangan Jor dan Mahang (Perak); Empangan Sultan Abu Bakar (Pahang), Empangan Babagon (Sabah), Empangan Bakun (Sarawak) dan Empangan Kenyir di Terengganu.

"Kos pembaikan dan penyenggaraan bagi lapan empangan itu dianggarkan sebanyak RM135.82 juta dan pemilik empangan perlu menyediakan peruntukan khas bagi penyenggaraan.

"Namun demikian, sebagai langkah interim, sekiranya terdapat keperluan mendesak, Kerajaan Persekutuan bersedia menimbang untuk menyediakan sokongan kewangan kepada pemilik empangan yang tidak mempunyai sumber kewangan," katanya dalam kenyataan, semalam.

NRECC berkata, hasil pemeriksaan menemukan pembentukan enapan yang tinggi di kolam takungan, kerosakan peralatan instrumentasi dan kawalan air, tirsan (seepage), kerosakan integriti struktur konkrit, hakisan tanah dan kesan runtuh.

"Kerosakan ini boleh mendatangkan ancaman keselamatan kepada penduduk dan harta benda sekiranya berlaku kegagalan.

"Oleh itu, NRECC memberi perhatian serius akan risiko kegagalan struktur empangan seperti yang terjadi di Libya baru-baru ini," katanya.

Katanya, selain lapan empangan itu, Empangan Chereh di Pahang dan Empangan Kenyir di Terengganu turut mengalami kerosakan agak teruk dan perlu dipulihkan segera.

Dalam pada itu, NRECC bercadang meneruskan fungsi Flying Squad untuk membuat pemeriksaan ke atas empangan lain terutama yang berusia lebih 50 tahun.

"Struktur dan tanggungjawab Flying Squad juga akan diperkukuhkan kepada struktur tetap yang dikenali sebagai Dam Technical Centre (DTC).

"Pasukan Flying Squad adalah struktur ad-hoc yang diselaraskan oleh Bahagian Bekalan Air (BBA), NRECC," katanya.

Katanya, keahlian pasukan Flying Squad terdiri daripada pakar pelbagai jabatan teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta pihak swasta.

"Pemeriksaan empangan oleh Flying Squad menggunakan garis panduan pemeriksaan keselamatan empangan yang dibangunkan oleh JPS iaitu Malaysia Dam Safety Management Guidelines (MyDAMS)," katanya.